8. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Penang Global Tourism* (PGT) sedang memperkukuh promosi produk ekopelancongan dan pelancongan berasaskan komuniti bagi memperluas kepelbagaian produk pelancongan negeri. Antara kawasan tumpuan utama termasuk Taman Negara Pulau Pinang, Hutan Simpan Bukit Mertajam (Cherok To' Kun), Hutan Paya Bakau Sungai Acheh, Entopia, Penang Hill UNESCO Biosphere Reserve, Kampong Agong, dan Penang River Cruise di Sungai Juru. Inisiatif ini menekankan aktiviti berasaskan alam seperti mendaki bukit, jelajah hutan (*eco trails*), pemerhatian burung, pelancongan pendidikan, dan program kesedaran biodiversiti. PGT turut menggalakkan agensi pelancongan tempatan membangunkan dan memasarkan pakej komuniti di kawasan luar bandar seperti Pulau Aman, Nibong Tebal dan Balik Pulau, termasuk aktiviti lawatan ke ladang, memancing dan pengalaman kampung yang dikendalikan oleh penduduk setempat. Promosi dilaksanakan secara aktif melalui media sosial, saluran *YouTube MyPenang*, dan laman rasmi PGT bagi menarik pelancong yang mengutamakan alam semula jadi dan gaya hidup lestari.

Sementara itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh ekopelancongan di tanah besar Pulau Pinang. MBSP kini sedang

menjalankan Kajian Inventori Produk Pelancongan Seberang Perai (SPU, SPT, SPS) yang dijangka siap pada tahun 2026, bertujuan mendokumentasikan produk pelancongan tempatan dalam kategori warisan, budaya, gastronomi, *agrotourism*, *ecotourism*, sukan dan rekreasi. Selain itu, Sambutan Hari Warisan Seberang Perai sempena Festival Penang2030 telah diadakan di Kampung Agong, Penaga pada 12 Julai 2025, sebagai usaha meningkatkan kesedaran dan menarik pelancong ke kawasan ekopelancongan luar bandar. MBSP juga bekerjasama dengan pihak swasta dan komuniti tempatan, termasuk Auto-City Group, Think City Sdn. Bhd., dan agensi pelancongan negeri, dalam membangunkan produk seperti Penang River Cruise di Sungai Juru yang menampilkan pelayaran menyusuri perkampungan nelayan, ladang akuakultur dan hutan paya bakau. Di samping itu, MBSP turut giat mempromosikan kawasan Teluk Air Tawar–Kuala Muda (TAT-KM) sebagai destinasi ekopelancongan strategik melalui kolaborasi dengan NGO dan inisiatif *Bird Flyway*, bagi memelihara habitat burung migrasi serta memperkukuh potensi pelancongan alam semula jadi di Seberang Perai.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXVI)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

9. Nyatakan jumlah bilangan kamera litar tertutup (CCTV) yang berfungsi di seluruh Pulau Pinang mengikut KADUN.
- (a) Berapakah buah CCTV akan dipasang oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2025 dan 2026 di setiap KADUN?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Sejumlah 1,525 unit kamera litar tertutup (CCTV) telah dipasang dan masih berfungsi di seluruh Pulau Pinang. Perincian bilangan mengikut Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Maklumat bilangan CCTV yang akan dipasang oleh Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2025 dan 2026 mengikut KADUN adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

## LAMPIRANA

### SENARAI KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) YANG TELAH DIPASANG DAN BEROPERASI MENGIKUT KADUN

NO	KADUN	BILANGAN (UNT)
1	Penaga	0
2	Bertam	10
3	Pinang Tunggal	19
4	Permatang Berangan	5
5	Sungai Dua	7
6	Telok Ayer Tawar	2
7	Sungai Puyu	15
8	Bagan Jermal	0
9	Bagan Dalam	26
10	Seberang Jaya	153
11	Permatang Pasir	4
12	Penanti	6
13	Berapit	4
14	Machang Bubuk	16
15	Padang Lalang	3
16	Perai	25
17	Bukit Tengah	30
18	Bukit tambun	29
19	Jawi	16
20	Sungai Bakap	15
21	Sungai Aceh	3
22	Tanjong Bungah	131
23	Air Putih	13
24	Kebun Bunga	67
25	Pulau Tikus	67
26	Padang Kota	124
27	Pengkalan Kota	70
28	KOMTAR	122
29	Datok Keramat	37
30	Sungai Pinang	69
31	Batu Lancang	31
32	Seri Delima	41
33	Air Itam	28
34	Paya Terubong	72
35	Batu Uban	39
36	Pantai Jerejak	68
37	Batu Maung	83
38	Bayan Lepas	10
39	Pulau Betong	51
40	Telok Bahang	14
<b>JUMLAH</b>		<b>1,525</b>

**SENARAI KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) YANG AKAN DIPASANG PADA  
TAHUN 2025 DAN 2026 MENGIKUT KADUN**

NO	KADUN	TAHUN 2025	TAHUN 2026
		BILANGAN (UNIT)	BLANGAN (UNIT)
1	Penaga	7	0
2	Bertam	23	12
3	Pinang Tunggal	16	41
4	Permatang Berangan	12	0
5	Sungai Dua	17	19
6	Telok Ayer Tawar	2	8
7	Sungai Puyu	38	9
8	Bagan Jermal	13	11
9	Bagan Dalam	41	18
10	Seberang Jaya	36	125
11	Permatang Pasir	3	2
12	Penanti	6	5
13	Berapit	19	25
14	Machang Bubuk	19	45
15	Padang Lalang	9	5
16	Perai	28	90
17	Bukit Tengah	18	85
18	Bukit tambun	36	69
19	Jawi	22	19
20	Sungai Bakap	7	29
21	Sungai Acheh	6	5
22	Tanjong Bungah	0	Perancangan untuk pemasangan 300 unit CCTV. Lokasi akan ditentukan kemudian.
23	Air Putih	0	
24	Kebun Bunga	0	
25	Pulau Tikus	18	
26	Padang Kota	24	
27	Pengkalan Kota	0	
28	KOMTAR	12	
29	Datok Keramat	3	
30	Sungai Pinang	3	
31	Batu Lancang	12	
32	Seri Delima	0	
33	Air Itam	0	
34	Paya Terubong	6	
35	Batu Uban	3	
36	Pantai Jerejak	12	
37	Batu Maung	3	
38	Bayan Lepas	0	
39	Pulau Betong	0	
40	Telok Bahang	0	
<b>JUMLAH</b>		<b>474</b>	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXVI)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

10. Nyatakan berapa jumlah pekerja dan jumlah peruntukan keseluruhan emolumen untuk setiap syarikat berkaitan kerajaan (Government-linked Corporation) seperti Chief Minister Incorporated, Penang Global Tourism, Penang Green Council, Penang Development Corporation, Digital Penang dan George Town World Heritage Incorporated.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

10. Jumlah pekerja serta peruntukan keseluruhan emolumen bagi Chief Minister Incorporated (CMI) dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di bawah CMI iaitu Penang Global Tourism (PGT), Penang Green Council (PGC), Digital Penang dan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) bagi tahun 2025 adalah seperti yang dinyatakan di **LAMPIRAN A**.

**LAMPIRAN A**

**JUMLAH PEKERJA DAN PERUNTUKAN KESELURUHAN EMOLUMEN BAGI  
CHIEF MINISTER INCORPORATED (CMI) SERTA GLC DI BAWAHNYA  
IAITU PGC, DIGITAL PENANG, GTWHI DAN PGT BAGI TAHUN 2025**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JUMLAH PEKERJA (SEMASA)</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN EMOLUMEN TAHUN 2025 (RM)</b>
1.	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)	12 orang	RM693,921.36
2.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	15 orang	RM1,300,000.00
3.	Digital Penang Sdn. Bhd.	22 orang	RM2,886,500.00
4.	George Town World Heritage Incorporated Sdn. Bhd.	19 orang	RM1,070,108.57
5.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	15 orang	RM930,733.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXVI)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

11. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengurangkan kereta dan motor yang berhenti di tepi jalan yang dilarang berhenti terutamanya di Jalan Jelutong, Jalan Macalister dan Jalan Burma?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Perancangan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengurangkan kereta dan motosikal yang berhenti di tepi jalan yang dilarang berhenti di Jalan Jelutong, Jalan Macalister dan Jalan Burmah adalah seperti berikut:-
- (i) Melaksanakan Zon Larangan Berhenti bermula 01 Jun 2025 bagi lima (5) bahagian jalan utama seperti jalan berikut:-
- (a) Sebahagian Jalan Jelutong (dari Jalan Ahmad Nor ke Jalan Bukit Dumber);
  - (b) Sebahagian Jalan Burma (dari Jalan Cantonment ke Jalan Jones);
  - (c) Sebahagian Jalan Macalister (dari Jalan Anson ke Jalan Penang);
  - (d) Sebahagian Pengkalan Weld (dari Gat Lebu Melayu ke Gat Lebu Chulia); dan

- (e) Sebahagian Jalan Masjid Kapitan Keling (dari Lebuh Bishop ke Lebuh Chulia) bagi mengurangkan gangguan kepada aliran lalu lintas dan memastikan lalu lintas bergerak lancar.
- (ii) Membuat pemantauan melalui Kamera Litar Tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan yang terlibat. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan;
- (iii) Membuat kerja-kerja pemasangan *railing* bagi mengurangkan kenderaan berhenti di tepi jalan dan seterusnya mengawal aktiviti jual beli di kawasan berkenaan;
- (iv) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan seperti saman, kapit dan tunda kenderaan oleh Jabatan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- (v) Meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan bekerjasama dengan pihak PDRM terutama pada waktu puncak untuk mengawal lalulintas di jalan-jalan ini;
- (vi) Menyediakan perkhidmatan *e-hailing* yang dikenali sebagai 'Kumpool'. Perkhidmatan ini disediakan bertujuan untuk membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan memberi kemudahan kepada orang awam sebagai alternatif lain untuk pengangkutan awam. Petak-petak *e-hailing* juga disediakan di kawasan-kawasan yang bersesuaian; dan
- (vii) Menyediakan petak panggah-memungkah di kawasan-kawasan bersesuaian bagi mengurangkan masalah peletakan kenderaan perdagangan di tepi-tepi jalan utama.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXVI)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

12. Nyatakan berapa jumlah peruntukan Kerajaan Negeri pada tahun 2020, 2021, 2022, 2023, 2024 dan 2025 bagi membiayai kemudahan pengangkutan awam seperti Pas Mutiara, bas CAT Bridge, bas Bridge Express Shuttle Transit (BEST), van Rapid Penang On-Demand dan lain-lain.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Jumlah peruntukan Kerajaan Negeri bagi program-program kemudahan pengangkutan awam untuk tahun 2020 sehingga 2025 adalah sebanyak RM56,334,343.69.

Perincian mengikut tahun dan program perkhidmatan adalah seperti di Jadual 1 di **LAMPIRAN A**.

## LAMPIRANA

JADUAL1

TAHUN	PERKHIDMATAN	JUMLAH BAYARAN (Termasuk SST)	JUMLAH KESELURUHAN BAYARAN SEBENAR
2020	BESTKOMTAR	RM669,754.11	RM7,399,424.11
	CAT. BRIDGE	RM6,729,670.00	
2021	BESTKOMTAR	RM845,750.98	RM8,665,932.98
	CAT. BRIDGE	RM5,699,200.00	
	PAS MY30	RM2,005,260.00	
	TAMBANG FERI	RM115,722.00	
2022	BESTKOMTAR	RM870,684.00	RM10,308,685.60
	CAT. BRIDGE	RM2,920,000.00	
	PAS MY50	RM6,000,000.00	
	TAMBANG FERI	RM518,001.60	
2023	BESTKOMTAR	RM873,122.00	RM14,505,726.00
	CAT BRIDGE	RM4,380,000.00	
	PAS MY50	RM8,859,300.00	
	TAMBANG FERI	RM393,304.00	
2024	BESTKOMTAR	RM524,400.00	RM10,259,750.00
	CAT. BRIDGE	RM4,392,000.00	
	PAS MY50	RM5,343,350.00	
2025	BESTKOMTAR	RM214,600.00	RM5,194,825.00
	CAT. BRIDGE	RM2,172,000.00	
	PAS MY50	RM2,808,225.00	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>RM56,334,343.69</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXVI)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

13. Nyatakan jumlah peruntukan atau perbelanjaan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi membina jalan-jalan baharu di seluruh Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga 2025.
- (a) Namakan jalan-jalan baharu yang berkenaan.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Jumlah keseluruhan perbelanjaan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi membina jalan-jalan baharu di seluruh Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga 2025 adalah sebanyak RM401,873,151.61 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Satu Juta Lapan Ratus Tujuh Puluh Tiga Satu Ratus Lima Puluh dan Satu Enam Puluh Satu Sen Sahaja) yang melibatkan 23 buah projek. Perincian perbelanjaan mengikut agensi pelaksana adalah seperti berikut:-

AGENSI PELAKSANA	BILANGAN PROJEK	JUMLAH KOS(RM)
MBPP	2	RM383,344,716.07
MBSP	-	-
PDT DTL	-	-
PDT DBD	16	RM650,185.54
PDT SPU	-	-
PDT SPT	4	RM178,250.00
PDT SPS	-	-
JKR	1	RM17,700,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>23</b>	<b>RM401,873,151.61</b>

- (a) Perincian nama-nama jalan baharu sejak tahun 2020 sehingga 2025 mengikut agensi pelaksana adalah seperti di **LAMPIRANA**.

LAMPIRANA

PERINCIAN NAMA-NAMA JALAN BAHARU SEJAK TAHUN 2020 SEHINGGA  
2025 MENGIKUT AGENSI PELAKSANA

BIL.	NAMAJALAN	TAHUN	AGENSI PELAKSANA
1.	PENYAMBUNGAN JALAN KAMPUNG PISANG KE JALAN THEAN TEK	2020	MBPP
2.	PEMBINAAN JALAN BERKEMBAR JALAN PAYA TERUBONG (BUKIT KUKUS)	2021	
3.	PEMBINAAN JALAN DI TANAH SIMPANAN JALAN PERMATANG DAMAR LAUT, MENUJU KE LOT 838	2020	PDTDBD
4.	PEMBINAAN JALAN BARU DI KAMPUNG SERONOK - BAYAN LEPAS	2020	
5.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG KE TANAH PERKUBURAN ISLAM BERPUSAT DAERAH BARAT DAYA DI SUNGAI RUSA DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2021	
6.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG DI SUNGAI BURONG, BALIK PULAU DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2022	
7.	PEMBINAAN JALAN DI TITI TERAS, BALIK PULAU DAN KERJA-KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN (BERHADAPAN KAWASAN PERKUBURAN ISLAM TITI TERAS)	2022	
8.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG DI JALAN PRESINT 2 (LORONG 3), BALIK PULAU DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2022	
9.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG JALAN PRESINT 1 (LORONG 2), BALIK PULAU DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2022	
10.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI LOT. 10078 DAN LOT 237, MUKIM B DI SUNGAI RUSA	2023	
11.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DI LOT. 218, MUKIM A DI SUNGAI PINANG DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2023	
12.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DI LOT. 851 DAN LOT. 426, MUKIM B DI SUNGAI RUSA DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2023	

<b>BIL.</b>	<b>NAMAJALAN</b>	<b>TAHUN</b>	<b>AGENSI PELAKSANA</b>
13.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG DI LOT 342, BATU MAUNG DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2024	PDT DBD
14.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG DI LOT 71916, BATU MAUNG DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2024	
15.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DI LOT 1094, MUKIM 6 DI PONDOK UPEH DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2024	
16.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DI LOT 97, LOT 100 DAN LOT 104, MUKIM A DI SUNGAI PINANG DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2024	
17.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DI ATAS LOT 96, MUKIM 6 DI PONDOK UPEH DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2024	
18.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DI LOT 464, MUKIM D DI KAMPUNG JALAN BAHARU DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2025	
19.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG DI LOT 1285/565 DAN LAIN-LAIN KERJA-KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI KAMPUNG PELET, PENANTI	2020	PDT SPT
20.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG (FASA 1/2022) BINA BAHARU JALAN DI ATAS LOT 8416 DAN 8417, KEBUN SIREH	2022	
21.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG (FASA 1/2022) KERJA-KERJA MEMBINA JALAN BAHARU DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI LOT 1009, MUKIM 2, SUNGAI SINTOK, PERMATANG PASIR SEBERANG PERAI TENGAH	2022	
22.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI LOT 1372, MUKIM 19, PENANTI, SEBERANG PERAI	2023	
23.	PEMBINAAN JALAN 100 KAKI DI BELAKANG CARREFOUR, SEBERANG JAYA, MUKIM 4, SEBERANG PERAI TENGAH	2027	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXVI)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

14. Nyatakan jumlah keseluruhan pokok baharu yang telah ditanam oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri setiap tahun dari tahun 2020 sehingga 2025.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Penanaman pokok baharu di seluruh Negeri Pulau Pinang dilaksanakan oleh pelbagai agensi termasuk Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan, Penang Development Corporation (PDC), Jabatan Taman Botani, Jabatan Perhilitan serta Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai).

Berdasarkan maklumat Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), jumlah keseluruhan pokok baharu yang telah ditanam di seluruh negeri bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti berikut :

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Pokok Baharu Ditanam</b>
2020	37,622
2021	45,353
2022	50,021
2023	53,996
2024	432,567
2025 (Sehingga Ogos 2025)	33,436
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>652,995</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXVI)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

15. Nyatakan perancangan untuk menyediakan lebih banyak tempat letak kereta di kawasan Pasar Pulau Tikus untuk kegunaan orang ramai.

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil perhatian serius berhubung keperluan tempat letak kereta di kawasan Pasar Pulau Tikus terutamanya pada waktu puncak.

MBPP sedang melaksanakan kajian ke atas Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang 2035 dan langkah-langkah untuk penambahan ruang atau tempat letak kereta di kawasan Pasar Pulau Tikus akan diteliti dan diberi keutamaan dalam kajian tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXVI)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

16. Nyatakan perancangan pembangunan jangka masa panjang atau pembangunan semula kampung oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang di tanah kawasan Kampung Bagan Jermal di KADUN Pulau Tikus.

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Pada masa ini, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak mempunyai sebarang perancangan untuk melaksanakan pembangunan semula di atas tanah milik MBPP yang terletak di kawasan Kampung Bagan Jermal, Tanjong Tokong, Pulau Pinang.

Keutamaan MBPP pada masa ini adalah tertumpu kepada kawasan Kampung Sireh, Jalan Perak, dan beberapa kawasan lain yang telah diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemajuan Tetap MBPP. Setiap keputusan yang dibuat adalah berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh pihak MBPP dengan mengambil kira faktor kesesuaian dan keperluan semasa di kawasan tersebut. Pembangunan yang sedang dirancang di kawasan-kawasan tersebut akan dijadikan sebagai model rujukan bagi pelaksanaan pembangunan tanah milik MBPP pada masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, Kampung Bagan Jermal akan dikekalkan sebagai kawasan kampung tanpa sebarang perubahan kepada status semasanya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXVI)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

17. Nyatakan peruntukan Kerajaan Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menaik taraf sistem perparitan di KADUN Pulau Tikus dari tahun 2023 hingga 2025.
- (a) Berapakah peruntukan akan disediakan pada tahun 2026 untuk kerja tersebut?
- (b) Nyatakan longkang dan parit mana yang akan dinaik taraf pada tahun 2026.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Peruntukan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi menaik taraf sistem perparitan di KADUN Pulau Tikus dari tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti di **JADUAL 1**.

**JADUAL 1: PERUNTUKAN NAIK TARAF PERPARITAN  
KADUN PULAU TIKUS MENGIKUT AGENSI (2023-2025)**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	
	JPSP	MBPP
2023	99,740.00	900,062.30
2024	99,901.00	356,482.88
2025	49,990.00	287,312.00

- (a) Bagi tahun 2026, JPSP memperuntukkan sejumlah RM100,000.00 bagi kerja-kerja pemuliharaan dan

penyelenggaraan sungai di KADUN Pulau Tikus. MBPP pula tidak memperuntukkan sebarang perbelanjaan khusus untuk tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak MBPP telah melantik tiga (3) kontraktor bagi kerja-kerja penyelenggaraan tahunan melibatkan Zon A yang turut merangkumi KADUN Pulau Tikus seperti berikut:

- (i) Satu (1) kontraktor tahunan bagi kerja membina dan menyelenggara sistem perparitan;
  - (ii) Satu (1) kontraktor tahunan bagi kerja membina dan menyelenggara gegili dan bahu jalan; dan
  - (iii) Satu (1) kontraktor tahunan bagi kerja membina dan menyelenggara sistem perparitan dan bahu jalan bagi seluruh pulau.
- (b) Dua (2) program/ kerja yang akan dilaksanakan oleh JPSPP di KADUN Pulau Tikus pada tahun 2026 adalah seperti berikut:
- (i) Program pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir di Sungai Babi dan kerja-kerja berkaitan; dan
  - (ii) Kerja penyelenggaraan saluran Sungai Bagan Jermal dan kerja-kerja berkaitan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXVI)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

18. Nyatakan projek-projek pembinaan jalan baharu atau pelebaran jalan di kawasan KADUN Pulau Tikus yang akan dilaksanakan pada tahun 2026 dan 2027 berserta dengan kos untuk setiap projek.

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Terdapat dua (2) buah projek pembinaan jalan baharu atau pelebaran kawasan jalan di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Tikus yang akan dilaksanakan pada tahun 2026 dan 2027. Keterangan lanjut berserta kos untuk setiap projek adalah seperti berikut:

<b>Tajuk Projek</b>	<b>Anggaran Kos (RM)</b>	<b>Tempoh Pelaksanaan</b>
Pembinaan Jalan Bawah ( <i>Underpass</i> ) untuk Menghubungkan Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma di Persimpangan Jalan Mount Erskine/ Jalan Gottlieb/ Jalan Burma/ Jalan Bagan Jermal	33,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Tiga Juta Sahaja)	2026 sehingga 2029

Tajuk Projek	Anggaran Kos (RM)	Tempoh Pelaksanaan
Projek Menaik Taraf Jalan di sebahagian Jalan Tanjong Tokong dari Tingkat Hock Hin ke Jalan Fettes.	RM500,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Ribu Sahaja)	2026
<b>Jumlah</b>	<b>33,500,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Tiga Juta Lima Ratus Ribu Sahaja)</b>	

**MESYUARATKEDUAPENGGALKETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXVI)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

19. Nyatakan peruntukan Kerajaan Negeri yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah di KADUN Pulau Tikus pada tahun 2023, 2024 dan 2025. Nyatakan berapa peruntukan yang telah diberi kepada setiap sekolah.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara konsisten menyediakan peruntukan tahunan untuk pelbagai jenis sekolah di seluruh negeri termasuk dalam kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Tikus. Antara kategori sekolah yang terlibat adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC), Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Peruntukan ini disalurkan melalui permohonan dan keperluan sekolah berkaitan projek penyelenggaraan, naik taraf dan program pendidikan. Statistik peruntukan Kerajaan Negeri kepada sekolah dalam KADUN Pulau Tikus seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

STATISTIK PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI KEPADA SEKOLAH  
DI KAWASAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (KADUN)  
PULAU TIKUS

TAHUN	SJKC (RM)	SMPC (RM)	SEKOLAH MUBALIGH (RM)	SAR (RM)
2023	23,000.00	400,000.00	24,000.00	53,070.00
2024	35,000.00	400,000.00	20,000.00	57,828.00
2025	38,000.00	400,000.00	35,000.00	57,348.00 (anggaran yang akan diagihkan pada Disember 2025)

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXVI)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

20. Nyatakan berapa kes pokok tumbang yang telah berlaku di KADUN Pulau Tikus pada tahun 2023, 2024 dan 2025.
- (a) Berapakah kos telah digunakan oleh Kerajaan Negeri dan MBPP / MBSP untuk memeriksa dan merawat pokok-pokok di seluruh negeri pada tahun 2023, 2024 dan 2025?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), sejumlah 53 kes pokok tumbang telah direkodkan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Tikus dari tahun 2023 sehingga 2025 mengikut perincian seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN KES</b>
2023	16
2024	29
2025	8
<b>JUMLAH</b>	<b>53</b>

- (a) Jumlah kos yang telah digunakan oleh MBPP dan Majlis Bandaraya Seberang Jaya (MBSP) untuk tujuan memeriksa dan merawat pokok-pokok bagi tempoh 2023 sehingga 2025 adalah seperti berikut:

TAHUN	MBPP	MBSP
	KOS (RM)	
2023	0.00	0.00
2024	1,700,000.00	50,000.00
2025	988,800.00	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>2,688,800.00</b>	<b>50,000.00</b>

Pihak MBSP juga melaksanakan pemeriksaan dan perawatan menggunakan peruntukan di bawah *Malaysia Road Record Information System* (MARRIS) yang melibatkan kontrak melangkaui tahun, di mana tempoh kontrak tersebut bermula pada tahun 2022. Justeru itu, jumlah kos keseluruhan untuk tujuan tersebut diambil kira dari tahun 2022 sehingga 2025 iaitu sebanyak RM20,712,876.96 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta Tujuh Ratus Dua Belas Ribu Lapan Ratus Tujuh Puluh Enam dan Sembilan Puluh Enam Sen Sahaja).